

13/02/2003

Umno Terengganu akur keputusan ibu pejabat parti

Lokman Zainal Abidin; Mohammad Ishak

KUALA TERENGGANU: Badan Perhubungan Umno Terengganu menyerahkan kepada kepimpinan parti untuk memutuskan nama calon bakal Menteri Besar dan berjanji menghormati keputusan itu.

Timbalan Pengerusinya, Datuk Idris Jusoh, berkata Umno negeri akur dan bersedia menerima keputusan demi kejayaan Barisan Nasional (BN).

"Perkara itu mungkin sensitif tetapi jika difikirkan secara rasional, ia mungkin antara kaedah terbaik menawan semula Terengganu," kepada Berita Harian selepas majlis Rumah Terbuka Aidiladha Umno Bahagian Besut di sini, semalam.

Beliau mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dilaporkan berkata, Umno mungkin menamakan lebih awal calon bakal Menteri Besar di Terengganu dan Kelantan alam usaha BN menawan semula dua negeri itu pada pilihan raya umum akan datang.

Presiden Umno itu berkata, cadangan itu serta saranan supaya senarai calon pilihan raya Kelantan dan Terengganu diumumkan lebih awal akan dipertimbangkan.

Cadangan itu disuarakan Ahli Majlis Tertinggi Umno, Tengku Razaleigh Hamzah dengan alasan rakyat akan mempunyai banyak masa untuk mengenali dan berasa selesa mendekati pemimpin mereka dalam usaha membantu parti mengukuhkan kedudukannya.

Idris berkata, semua pemimpin Umno Terengganu sebelum ini sudah membuat aku janji sejak awal tahun lalu untuk menyokong sebarang usaha yang dibuat parti bagi menjamin kemenangan BN di negeri ini.

"Walaupun calon Menteri Besar tidak pernah dibangkitkan pemimpin negeri sebelum ini, kita tidak membantah jika pengumuman itu dirasakan boleh memberi kesan baik kepada Umno negeri," katanya.

Sementara itu, Pemuda Umno Terengganu bimbang kerana individu tertentu akan berubah haluan serta mengambil sikap membelakangkan kepentingan parti jika tidak dinamakan sebagai calon Menteri Besar.

Pemangku Ketua Pemuda negeri, Tengku Zainuddin Tengku Zahid, berkata pihaknya tidak berhasrat menghalang nama calon Menteri Besar diumumkan lebih awal tetapi menggesa semua pihak bersikap lebih terbuka serta mengutamakan kepentingan parti.

"Memang akan timbul perkara buruk dan baik jika pengumuman dibuat lebih awal. Bagi pihak Pemuda saya gusar jika timbul perasaan tidak puas hati di kalangan ahli sekiranya nama mereka tidak dicalonkan," katanya ketika dihubungi.

Bagaimanapun, beliau bersetuju dengan kelebihan yang boleh diperoleh

rakyat sekiranya calon Menteri Besar dinamakan lebih awal kerana calon berkenaan akan lebih bersedia menghadapi cabaran dari segi mental dan fizikal.